

Newswav Malaysia 6 September 2023

News'wav Malaysia's #1 Content Aggregator

Tinjauan Sun Life Malaysia: 90% Rakyat Malaysia Masih Tidak Mempunyai Pelan Persaraan Yang Kukuh

Local 6 Sep 2023 • 8:00 AM MYT











Newsway PR 🖔

Sponsored content from various brands & advertisers



Raymond Lew, Ketua Pegawai Eksekutif dan Presiden/Pengurus Negara Sun Life Malaysia

Bagi kebanyakan rakyat Malaysia, persaraan adalah peringkat kehidupan yang amat penting dengan matlamat untuk menikmati tahun keemasan mereka dengan selesa. Walau bagaimanapun, pergolakan ekonomi global baru-baru ini dan kadar inflasi yang semakin meningkat telah menjejaskan kestabilan kewangan rakyat Malaysia, menjadikannya lebih sukar bagi orang ramai untuk mengekalkan pelan persaraan mereka.

Tinjauan Kesejahteraan Kewangan #3 oleh <u>Sun Life Malaysia</u>, sebuah syarikat insurans hayat dan takaful keluarga, mendedahkan bahawa hanya 10% rakyat Malaysia meluahkan keyakinan dalam perancangan persaraan mereka. Gangguan perancangan persaraan merangkumi simpanan dan dana persaraan yang semakin berkurangan.

Setiap suku tahun, Sun Life Malaysia akan menjalankan <u>tinjauan</u> untuk memahami keperluan dan kebimbangan kewangan rakyat Malaysia. Menerusi hasil tinjauan, Sun Life Malaysia berharap agar ia dapat membantu rakyat Malaysia mengharungi cabaran dalam kehidupan sambil meneruskan aspirasinya sebagai rakan kongsi insurans dan takaful yang dipercayai.



Tiga Kebimbangan Utama Yang Menggugat Perancangan Persaraan

Walaupun kepentingan perancangan persaraan awal difahami oleh orang ramai, Tinjauan Kesejahteraan Kewangan #3 yang meninjau 5,500 rakyat Malaysia mendedahkan bahawa 90% berpendapat mereka tidak bersedia untuk bersara dengan selesa, dimana tiga kebimbangan persaraan utama mereka adalah:

- 1. Kos sara hidup yang tinggi 55.4%
- 2. Kos perubatan yang makin meningkat 17.3%
- 3. Tidak mampu menjalani gaya hidup yang diingini 12.8%

Secara ketara, lebih separuh daripada responden bimbang tentang kesan kenaikan kos sara hidup ke atas pelan persaraan mereka. Dengan kenaikan harga barang keperluan yang berterusan, kebanyakan orang ramai ragu-ragu sama ada simpanan mereka cukup untuk menampung kehidupan mereka selepas bersara.

Dengan kadar inflasi perubatan yang dijangka akan berterusan, 17% daripada responden risau kenaikan kos perubatan akan mengurangkan simpanan persaraan mereka, justeru menjejaskan akses kepada rawatan perubatan yang diperlukan pada tahun-tahun yang mendatang.

Sebanyak 13% daripada responden pula bimbang mereka terpaksa berkompromi dengan gaya hidup yang pernah mereka nikmati. Mengekalkan gaya hidup yang diingini selepas persaraan merupakan keutamaan kelompok ini.

Hanya 11% daripada mereka yang ditinjau berasa cukup bersedia dari segi kewangan untuk persaraan. Kelompok ini berkemungkinan telah menyimpan dan melabur dengan bijak dari semasa ke semasa, dan telah mempunyai jaringan keselamatan kewangan untuk tahun persaraan mereka. Walau bagaimanapun, pemantauan dan pengurusan kewangan yang berterusan tetap penting untuk mengekalkan gaya hidup yang dikehendaki.

Apa yang menariknya, 3.8% daripada rakyat Malaysia kelihatan tidak terganggu dengan perancangan persaraan. Sikap yang kelihatan leka ini berkemungkinan akan menyebabkan kesukaran pada usia tua, terutamanya dengan jangka hayat yang lebih panjang dan kos sara hidup yang meningkat.

Bagaimanakan Insurans/Takaful Boleh Berfungsi Sebagai Pelindung Persaraan?

Jika anda berpendapat bahawa simpanan KWSP dapat menjamin persaraan yang selesa, mungkin sudah tiba masanya untuk memikirkannya semula.

Menurut data yang diterbitkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), tahap simpanan ahli KWSP yang rendah merupakan satu trend yang membimbangkan. Sehingga akhir tahun 2022, lebih daripada 51.5% atau sejumlah 6.67 juta ahlinya di bawah umur 55 tahun hanya mempunyai simpana kurang daripada RM10,000.

Raymond Lew, Ketua Pegawai Eksekutif dan Presiden/Pengurus Negara Sun Life Malaysia, menekankan, "Ingatlah, perancangan persaraan bukanlah tugas sekali sahaja; ia memerlukan penilaia dan pelarasan yang konsisten untuk memenuhi perubahan keadaan ekonomi dan matlamat kewangai Pastikan anda dapatkan nasihat profesional dan sentiasa memantau peluang pelaburan boleh menjac satu tanda aras dalam membuat keputusan rasional untuk persaraan yang selamat dan selesa."

Merancang persaraan yang selesa bukanlah perkara yang sukar. Berikut adalah 5 petua mudah untuk membantu anda bermula:

- Ketahui nombor ajaib anda: Tentukan baki tahun bekerja anda dan kirakan sekurang-kurangnya
 kali ganda pembelanjaan tahunan anda untuk mengekalkan gaya hidup sekarang anda.
- Mula menyimpan sekarang: Simpan awal bak kata pepatah "Sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit". Asingkan wang untuk kecemasan, persaraan dan simpanan. Anda juga boleh menggunakan kemudahan auto-debit yang memindahkan wang anda secara automatik ke dana masing-masing.
- Elakkan hutang: Jangan berbelanja lebih daripada pendapatan anda. Patuhi bajet yang telah diperuntuk untuk mengelakkan kitaran hutang. Jika anda mempunyai hutang kad kredit, jadikan keutamaan untuk membayarnya secepat mungkin.

- 4. Dapatkan perlindungan insurans/takaful: Insurans hayat/takaful keluarga berfungsi sebagai jaring keselamatan untuk orang kesayangan anda. Ia juga boleh memanfaatkan anda sekiranya berlaku kejadian yang tidak dijangka, seperti kehilangan pendapatan. Jadi, pastikan diri anda dan keluarga anda dilindungi sejak muda untuk menikmati kadar premium/caruman yang lebih rendah.
- 5. Membina portfolio pelaburan: Melabur secara konsisten, walaupun jumlahnya kecil.

Sun Life Malaysia menawarkan perancangan persaraan dan warisan - satu alat kewangan yang mudah dan berpatutan untuk membantu anda merancang, membina dan melindungi kekayaan anda untuk persaraan yang terjamin dari segi kewangan. Ia juga dapat melindungi kewangan orang kesayangan anda sekiranya sesuatu yang tidak dijangka berlaku.

Bergantung pada pelan insurans/takaful anda, perancangan warisan ini disertakan dengan ciri-ciri tambahan seperti manfaat penulisan wasiat, perancangan harta pusaka atau hibah. Bagi umat Islam, pelan takaful boleh membantu anda menunaikan kewajipan agama seperti zakat, haji, fidyah dan wagaf.

Layari laman web <u>Sun Life Malaysia</u> hari ini untuk <u>berbual dengan penasihat</u> mereka atau mendapatkan sumber untuk membantu anda merancang dan mencapai objektif kewangan anda, termasuk <u>pengiraan persaraan dan warisan</u> serta petua simpanan persaraan.